

MIMPI
DI MAHLIGAI
MERAH
(JILID V)

紅
樓
夢



不在話下這里鳳姐兒來至三間一所把履內生了曰想頭一件是人口混雜
請五件事小兒遺失東西第二件事無尊尊執臨期推委第三件事需用過費蓋支員領第四件事
余不禁失聲大
哭三十年前作無大小苦樂不均第五件事家人豪縱有臉者不服默末無臉者不能上進此五
書人在何處那件實是掌國府中風俗不知鳳姐何處治且聽下回分解

正是

金紫萬千誰治國

裙釵一二可齊家

通回可卿如何死故隱言是大發慈
悲心也嘆

壬午春

脂硯齋重評石頭記卷之

第十四回

林黛玉捐館揚州城

賈寶玉路過北靜王

話說寧國府中都總管未昇聞得裡面委請了鳳姐因傳齊同事人等說道如
今請了西府里連二奶；管理內事倘或他來支取東西或是說話我們須要
比性日小心些每日大家早來晚散寧可辛苦這一個月過後再歇着不要
把性日小心些每日大家早來晚散寧可辛苦這一個月過後再歇着不要
老臉丟了那是個有名的烈性臉臉心硬一時惱了不認人的衆人都有理
又有一個笑道論理我們裡面也消得他來整治；都特不像了正說着只
見來旺媳婦拿了對牌來領取呈文不榜紙劄票上批着數目衆人連忙讓坐
倒茶一面命人按數取紙來抱着同來旺媳婦一路來至儀門口方交與來旺

Penilaian Semula Zhi Yan Zhai terhadap Kisah Mengenai Sebuah Batu, Versi Jia Xu (1754). Manuskrip terawal yang masih disimpan di dunia. Koleksi buku Tan Sri Chan Kong Choy.



Mimpi di Mahligai

Merah

(Jilid V)

Penyunting
GAO E & CHENG WEIYUAN

Penterjemah dan Pengkaji
SENG YAN CHUAN
KHOR BOON ENG

Ketua Editor
ZAINAL ABIDIN BORHAN

PUSTAKA PERDANA



1013241

Terbitan Bersama
Yayasan Karyawan dan PEJATI
Kuala Lumpur

2017



PROJEK KARYA AGUNG YAYASAN KARYAWAN DAN PERSATUAN
SISWAZAH JABATAN PENGAJIAN TIONGHOA, UNIVERSITI MALAYA,
MALAYSIA (PEJATI)

Cetakan Pertama 2017

© Yayasan Karyawan dan PEJATI 2017

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa-apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain untuk tujuan diterbitkan dalam bentuk edisi popular, edisi pelajar, edisi kanak-kanak, edisi komik, edisi video, CD-ROM, dan sebagainya kecuali setelah mengadakan perundingan dan mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor Yayasan Karyawan di alamat Aras Bawah, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Dewan Bahasa 50460 Kuala Lumpur, Malaysia dan Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghoa, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui bersama.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mimpi di Mahligai Merah. (Jilid V) / Penyunting GAO E & CHENG WEIYUAN ;

Penterjemah dan Pengkaji SENG YAN CHUAN, KHOR BOON ENG ;

Ketua Editor ZAINAL ABIDIN BORHAN.

ISBN 978-983-9510-33-1

1. Chinese literature--Qing dynasty, 1644-1912. 2. Chinese fiction--Qing dynasty, 1644-1912. I. Gao, E. II. Cheng, Weiyuan. III. Seng, Yan Chuan. IV. Khor, Boon Eng, 1964-. V. Zainal Abidin Borhan, 1953-.

VI. Judul.

895.134

Projek Penyelidikan, Penterjemahan dan Penerbitan Karya Agung Cina Honglouneng

Tajaan : 1. Yayasan Karyawan

2. Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghoa,
Universiti Malaya, Malaysia (PEJATI)

Perunding : Datuk Zainal Abidin Borhan, Tan Sri Chan Kong Choy

Penterjemah : Dr. Seng Yan Chuan, Dr. Khor Boon Eng

Penyemak : Soh Wei Nee, Dato' Yu Chok Tow

Pembantu : Chia Jee Luen, Loh Siaw San, Ding Sing Jek, Shang Fui Tin,

Penyelidik Cheng Ching Yee

Buku ini dicetak menggunakan kertas NPI Woodfree Natural Fibre 80 gsm dan dijilid dengan kulit Aerolin.

Dicetak oleh

Gigawise Network Sdn Bhd

No. 74, Jalan Kapar 27/89,

Megah Industrial Park, Seksyen 27,

40400 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

ISBN 978-983-9510-33-1



9 789839 510331

895 134




PERSEKUTUAN
LEKATSIHIP
TIONSIAH
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERAGAN



Kandungan


Kata Pengantar Yayasan Karyawan xv




Kata Pengantar Presiden Kehormat PEJATI xvii




Catatan Ketua Editor xxiii



Catatan Pengerusi PEJATI xxv



Latar Diri Penterjemah dan Pengkaji Teks xxvii



Pengenalan xxix



Bab 81 2045

Empat jelitawan memancing untuk menilik nasib


Baoyu menuntut di sekolah keluarga atas arahan ayah



Bab 82 2067

Sarjana tua mengajar supaya kenakalan dihindari


Puteri Buluh sakit akibat mimpi ngeri



Bab 83 2093

Gundik Maharaja Yuan menghadapi penyakit dalam istana


Xue Baochai menahan diri semasa difitnah



Bab 84 2121

Baoyu diuji penulisan dan pertunangannya dipertimbangkan


Jia Huan melawat pesakit dan kemarahan dibangkitkan



Bab 85 2147

Jia Zheng dinaikkan pangkat sebagai pengarah


Xue Pan dibuang negeri akibat mencari pasal lagi



Bab 86 2173

Majistret mengendalikan dakwaan semula akibat makan rasuah

Gadis menerangkan notasi ziter demi mengisi masa lapang



Bab 87 2197

Terkenang kisah silam akibat memetik ziter pada musim luruh

Miaoyu dirasuk syaitan akibat bertapa

Bab 88 2221

Baoyu memuji anak yatim demi menghiburkan neneknya
Jia Zhen menyebat hamba ganas demi membetulkan disiplin
keluarga

Bab 89 2241

Terkenang gadis suruhan yang mati, Baoyu mengarang puisi
Mengambil bungkal kurang, Daiyu enggan makan walau sebutir
nasi

Bab 90 2261

Gadis miskin bersabar dimarahi akibat menghilangkan baju
berlapik

Anak teruna terkejut dan pendugaan akibat dihadiahkan
manisan

Bab 91 2281

Baochan menyimpan muslihat untuk kepuasan syahwat
Dengan ujian yang keraguan, Baoyu memberi jawapan yang
terburu-buru semasa membicarakan Zen

Bab 92 2299

Qiaojie menunjukkan penyanjungan tinggi semasa mengkaji
riwayat wanita murni
Jia Zheng menikmati mutiara ibu dan membicarakan naik turun
kehidupan

Bab 93 2321

Orang gaji keluarga Zhen memohon kerja di Keluarga Jia

Peristiwa cabul di Biara Bulan Air terdedah



Bab 94 2341

Puan Besar Jia mengadakan jamuan Perayaan Bunga Begonia yang berbunga dengan luar biasa

Kehilangan jed sakti Baoyu membayangkan ketibaan bencana



Bab 95 2367

Khabar angin menjadi kebenaran bahawa Gundik Maharaja Yuan meninggal


Jed palsu dibawa untuk menipu Keluarga Jia manakala Baoyu hilang akal nya



Bab 96 2389

Kak Feng merahsiakan perkara sebenar dan merancang muslihat

Rahsia terbongkar dan Pin'er tersesat naluri



Bab 97 2409

Lin Daiyu membakar manuskrip puisi untuk memutuskan cintanya


Xue Baochai menjalani upacara perkahwinan



Bab 98 2439

Roh Mutiara Merah yang menderita dalam kedukaan kembali ke syurga


Pesakit Shen Ying menitikkan air mata yang sedih di tempat kenangan cinta



Bab 99 2459

Orang suruhan yang tidak berprinsip memperalatkan kemuliaan tuan untuk menerima suapan

Jia Zheng diamarkan memberi perhatian kepada anak saudaranya yang tertera namanya di atas warta mahkamah



Bab 100 2477

Akibat merosakkan rancangan Jingui, Xiangling menjadi musuhnya


Baoyu berdukacita atas perkahwinan Tanchun ke tempat yang jauh




Pengenaln watak-watak novel 2494



Watak-watak jilid V & VI 2503



Lampiran 2515



Gambar rajah 2521



Kata Pengantar Yayasan Karyawan

Terlebih dahulu ingin saya panjatkan syukur ke hadhrat Allah S.W.T kerana Yayasan Karyawan telah berjaya menerbitkan satu lagi karya agung pada tahun 2016 ini. Penerbitan kali ini cukup istimewa kerana Yayasan Karyawan menerbitkan karya agung sastera klasik terkenal dari tamadun China iaitu *Honglouweng* atau *Mimpi di Mahligai Merah* yang diterjemah ke bahasa Melayu. Penterjemahan karya agung ini melakarkan hubungan simbolik antara tradisi persuratan China dengan tradisi persuratan Melayu, seperti kerjasama antara Yayasan Karyawan dengan Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghoa, Universiti Malaya (PEJATI).

Yayasan Karyawan yang ditubuhkan pada 1996 berperanan menerbit kembali karya agung Melayu bertulis tangan seperti yang tersimpan di pelbagai perpustakaan di dalam negara dan luar negara. Dengan kerjasama para ahli filologi, sejarawan, sasterawan, dan pakar-pakar bahasa serta para peneliti kesusasteraan Melayu, Yayasan Karyawan telah menerbitkan sejumlah karya agung Melayu seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Misa Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan lain-lain, dari semenjak ditubuhkan. Penerbitan karya agung Melayu membuktikan bahawa negara ini mewarisi tradisi ketamadunan yang agung.

Bagi pihak Yayasan Karyawan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada PEJATI dan kepimpinannya, khasnya kepada Presiden Kehormat PEJATI iaitu Tan Sri Chan Kong Choy, yang amat berminat untuk

merealisasikan penterjemahan dan penerbitan karya agung *Hongloumeng*. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Penterjemah *Hongloumeng* iaitu Dr. Seng Yan Chuan dan Timbalan Ketua Penterjemah Dr. Khoo Boon Eng yang telah bekerja keras lagi gigih untuk memastikan projek penterjemahan ini berjaya. Syabas juga diucapkan kepada Dato' Ng Tong Hai selaku Pengerusi PEJATI yang sentiasa memantau kemajuan projek penterjemahan ini.

Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid

Pengerusi

Lembaga Amanah

Yayasan Karyawan

Kata Pengantar Presiden Kehormat PEJATI

Honglouweng 红楼梦 (Mimpi di Mahligai Merah) bukan sahaja merupakan hikayat klasik Cina yang teragung dalam sejarah kesusasteraan Cina, ia juga adalah salah sebuah mahakarya yang terunggul dan termasyhur di seluruh dunia. Pengenalan tentang *Honglouweng* boleh dijumpai dalam kebanyakan ensiklopedia terbitan Barat. Misalnya dalam Encyclopædia Britannica yang diterbitkan di UK pada tahun 1970-an, *Honglouweng* dianggap sebagai “novel teragung yang pertama di China” dan “salah sebuah novel yang terunggul di dunia”. Larouse La Grande Encyclopedia yang diterbitkan di Perancis pada tahun 1964 menyebut bahawa “Pada peringkat akhir abad ke-18, sebuah novel yang agung iaitu *Honglouweng* diterbitkan di China. Hikayat ini mempunyai isi kandungan yang kaya dan padat, penuh dengan unsur-unsur menarik dan keseronokan, gaya bahasanya indah dan puitis, penulisannya tentang perasaan batin watak agak mendalam.” Encyclopedia Americana yang diterbitkan pada tahun 1975 memberi komen bahawa *Honglouweng* adalah salah sebuah hikayat yang teragung di dunia.

Sejak *Honglouweng* diterbitkan lebih daripada dua ratus tahun yang lalu, ia bukan sahaja popular di seluruh negara China, malah juga diperkenalkan ke luar negara dan diterjemahkan kepada lebih daripada tujuh belas jenis bahasa, antaranya termasuk bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Perancis, bahasa Rusia, bahasa Belanda, bahasa Itali, bahasa Sepanyol, bahasa Hungary,

bahasa Romania, bahasa Yunani, bahasa Czech, bahasa Albania, bahasa Jepun, bahasa Korea, bahasa Vietnam, bahasa Myanmar dan bahasa Thai. Ramai pengkaji dari negara-negara yang berlainan turut menjalankan penyelidikan terhadap *Honglouweng* dari aspek dan sudut yang berlainan. Arus penyelidikan yang pesat ini menyebabkan terbentuknya “Redologi” dan terlahirlah banyak hasil kajian yang bernilai.

Menurut hasil kajian pakar Redologi, *Honglouweng* paling awalnya diperkenalkan ke negara Jepun. Pada Tahun 1793, iaitu tahun ketiga *Honglouweng* diterbitkan dalam versi cetak, ia diperkenalkan ke Jepun melalui Pelabuhan Zhapu di Provinsi Zhejiang. Rusia mungkin merupakan negara barat pertama yang mengenali karya agung ini. Pada tahun 1832, seorang utusan Gereja Kristian Ortodoks dari Rusia yang bernama Л. КYP Л ЯHYeB telah membawa manuskrip novel yang dihasilkan pada masa awal kembali ke Rusia. Manuskrip yang amat bernilai ini kini disimpan di Pusat Pengajian Timur di Saint Petersburg dan dikenali sebagai “Saint Petersburg Version” oleh para penyelidik.

Terjemahan *Honglouweng* yang paling awal ialah Terjemahan Petikan, iaitu memetik salah satu bab atau babak dalam hikayat untuk diterjemahkan kepada bahasa asing. Kemudian baru lahirlah Terjemahan Sebahagian dan Terjemahan Penuh. Terdapat pelbagai versi pula bagi Terjemahan Petikan, Terjemahan Sebahagian dan Terjemahan Penuh.

Terjemahan *Honglouweng* yang terawal di dunia Timur adalah Terjemahan Petikan dalam bahasa Jepun yang diterjemahkan oleh Mori Kainan pada tahun 1892. Terjemahan ini disiarkan dalam ‘Ulasan Chengnan’ pada bulan April 1892. Selepas itu, sebanyak 17 versi terjemahan Bahasa Jepun turut dihasilkan, antaranya termasuk 3 jenis Terjemahan Petikan, 8 jenis Terjemahan Sebahagian dan 6 jenis Terjemahan Penuh. Antara kesemua versi ini, versi Terjemahan Penuh yang merangkumi terjemahan 120 bab oleh Matsueda Shigeo, Itou Shouhei dan Iizuka Akira adalah ketiga-tiga versi yang terbaik.

Penterjemahan *Honglouweng* kepada bahasa Barat yang paling awal ialah Terjemahan Petikan dalam Bahasa Inggeris pada tahun 1842 oleh R. Thom. Terjemahan ini disiarkan dalam majalah “The Chinese Speaker” di Ningbo, China pada masa tersebut. Terjemahan Sebahagian *Honglouweng* dalam bahasa Inggeris yang berjilid dua (56 bab) hanya muncul seawal-awalnya pada tahun 1892 hingga tahun 1893 oleh H. Bencraft Joly. Seterusnya, UK, Jerman, Perancis, Rusia, Itali dan negara-negara

lain turut menghasilkan terjemahan mereka masing-masing. Antara kesemua versi ini, terjemahan yang paling berpengaruh adalah Terjemahan Sebahagian dalam bahasa Jerman oleh pakar sinologi Jerman Franz Kuhn pada tahun 1932. Terjemahan ini amat baik dan memberi pengaruh yang besar di Eropah. Dengan itu lahirnya Terjemahan Sebahagian *Honglouweng* dalam bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Hungary, bahasa Belanda dan bahasa Itali yang diterjemah berdasarkan versi Franz Kuhn. Versi Terjemahan Penuh *Honglouweng* yang pertama dalam bahasa Barat ialah terjemahan bahasa Rusia (sebanyak 120 bab) oleh penterjemah Rusia yang bernama V. Panasyuk, yang diterbitkan pada tahun 1958.

Sampai ke hari ini, versi terjemahan bahasa Inggeris yang terpenting ialah Terjemahan Penuh oleh David Hawkes (80 bab yang pertama) dan John Minfort (40 bab terakhir) yang diterbitkan pada tahun 1973 hingga tahun 1986, serta versi Terjemahan Penuh (120 bab) oleh Yang Hsien-yi, seorang penterjemah China dan isterinya Gladys Yang yang diterbitkan antara tahun 1978 hingga tahun 1979. Versi terjemahan bahasa Perancis yang paling penting ialah Terjemahan Penuh (120 bab) oleh Li Zhihua (seorang Cina yang merupakan warganegara Perancis) dan isterinya Jacqueline Alezais, yang diterbitkan pada tahun 1981.

Memandangkan negara-negara Eropah, negara Jepun dan Korea di Asia Timur, serta Vietnam, Myanmar dan negara Thai di Asia Tenggara turut menghasilkan terjemahan mereka masing-masing, namun dunia Melayu yang memiliki lebih daripada 200 juta orang penduduk masih belum menghasilkan Terjemahan Penuh atau Terjemahan Sebahagian dalam bahasa Melayu. Setakat ini cuma ada Terjemahan Petikan dalam bahasa Indonesia yang tidak dicetak lagi. Pernah sekali saya membincangkan hal ini dengan kawan karib saya, Allahyarham Datuk Dr. Hassan Ahmad semasa jamuan ringan, kami mengambil keputusan untuk menjalinkan kerjasama antara Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghoa (PEJATI) dengan Yayasan Karyawan untuk menterjemahkan *Honglouweng* yang sebanyak 120 bab kepada bahasa Melayu. Pada masa itu saya adalah pengerusi Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghoa, manakala beliau ialah Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan.

Datuk Dr. Hassan Ahmad adalah seorang yang amat saya hormati. Beliau merupakan cendekiawan Melayu yang ulung dan juga duta budaya negara kita. Pertemuan pertama kami ialah

di persidangan UNESCO yang berlangsung di Paris pada akhir 1980-an. Pada masa itu beliau merupakan wakil tetap Malaysia di UNESCO, Paris. Demi menunaikan misi penterjemahan yang penuh bermakna dan mencabar ini, kami menandatangani perjanjian kerjasama bagi pihak PEJATI dan Yayasan Karyawan pada 12 May 2007. Selepas itu PEJATI menubuhkan pasukan penterjemah yang diterajui oleh Dr. Seng Yan Chuan dan Dr. Khor Boon Eng. Demi menyempurnakan tugas, pasukan ini telah banyak kali mengadakan bengkel dan mesyuarat. Saya turut dijemput untuk memberi ceramah tentang versi-versi *Honglougong* dan mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai gaya bahasa, puisi, watak dan perwatakan, pakaian, taman dan landskap, bangunan, adat resam dan topik-topik lain dalam *Honglougong*. Kesemua usaha ini adalah untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang pelbagai aspek dalam *Honglougong*. Pada bulan Februari 2008, pasukan ini pergi ke Beijing untuk menziarahi Prof. Yang Hsien-yi, penterjemah bahasa Inggeris *Honglougong*, sambil meminta nasihatnya tentang teknik-teknik menterjemah *Honglougong* dan masalah-masalah yang dihadapi dalam proses penterjemahan.

Selepas sepuluh tahun berusaha keras, terjemahan bahasa Melayu akhirnya terhasil. Hal yang menyedihkan hati saya ialah Datuk Dr. Hassan Ahmad telah meninggal pada beberapa tahun yang lalu dan tidak dapat berkongsi kegembiraan terhasilnya terjemahan bahasa Melayu ini dengan kami. Kami akan sentiasa mengenang budi dan sumbangan yang diberinya.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dirakamkan kepada setiap ahli pasukan penterjemah. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tulus kepada pakar-pakar bahasa Melayu yang membantu memeriksa dan menyemak terjemahan ini, pakar Redologi yang telah memberi nasihat dan bimbingan, serta semua pihak yang pernah menghulurkan bantuan kepada kami.

Saya berharap agar terjemahan bahasa Melayu ini dapat tersebar luas di kalangan dunia Melayu, dan berperanan sebagai jambatan yang memupuk interaksi antara budaya Malaysia dengan China, lalu mengeratkan hubungan di antara kedua-dua negara ini. Pada masa yang sama, semoga terjemahan ini dapat memupuk integrasi kebudayaan Melayu dan Cina di negara ini. Lebih-lebih lagi, saya amat berharap agar pada masa yang akan datang, bidang penyelidikan Redologi antarabangsa akan munculnya sekumpulan pakar Redologi bangsa Melayu, dan terhasillah ulasan *Honglougong* dalam bahasa Melayu yang

ditulis oleh pengkaji-pengkaji Melayu. Semoga bunga-bunga penyelidikan *Honglouweng* mekar di dunia sastera Melayu pada suatu hari nanti.

Kata-kata di atas saya sampaikan dengan tulus hati sebagai kata pengantar terjemahan bahasa Melayu yang penuh bermakna ini.

Tan Sri Chan Kong Choy
Presiden Kehormat PEJATI
Januari 2017

